



Pelajar UPM bergambar sempena kunjungan ke Batam, Indonesia baru-baru ini.

Sesi perbincangan turut diadakan membabitkan peserta Malaysia dan Indonesia.

Meninjau industri animasi di Batam

FSKTM UPM,
PoliBatam
bincang untuk
jalin kerjasama

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kunjungan pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) ke Infinite Studios Batam (Infinite Studios), Politek-

nik Negeri Batam (PoliBatam) dan Nongsa Digital Park (NDP), Batam, Indonesia, baru-baru ini, mendedahkan mereka kepada aktiviti pekerjaan yang membabitkan bidang pengkomputeran.

Pensyarah Jabatan Multimedia, FSKTM, Prof Dr Rahmita Wirza O.K. Rahmat, berkata lawatan itu membolehkan pelajar melihat sendiri aktiviti perfileman dan animasi di Infinite Studios serta mempersembahkan produk *augmented reality* (AR) di PoliBatam.

“Pelajar juga meninjau aktiviti pembelajaran membabitkan industri animasi di PoliBatam

dan mengadakan sesi diskusi dengan pensyarah serta pegawai perhubungan antarabangsa PoliBatam bagi aktiviti kerjasama yang akan datang.

“Antara aktiviti kerjasama yang akan diadakan ialah pertukaran pelajar merangkumi program mobiliti dan latihan industri, kerjasama penyelidikan dan pembangunan selaras dengan permintaan industri kedua-dua negara serta penerimaan pensyarah PoliBatam sebagai pelajar siswazah di FSKTM UPM,” katanya.

Perbincangan itu juga merangkumi skop perjanjian memoran-

dum persefahaman (MoU) antara kedua-dua institusi yang akan ditandatangani setelah kedua-dua pihak bersetuju dengan isi kandungan MoU.

Seramai 14 pelajar FSKTM mengikuti lawatan berkenaan yang turut disertai tiga pensyarah fakulti berkenaan iaitu Prof Rahmita, Prof Madya Dr Fatimah Khalid dan Dr Siti Khadijah Ali.

Infinite Studios adalah media hiburan bersepadu dan syarikat perkhidmatan kreatif yang berpusat di Singapura dan Batam, manakala PoliBatam adalah satu-satunya Universiti Negeri Vokasional (PTN) di Kawasan

Pelabuhan dan Perdagangan Bebas Batam (KPPBPB-Batam), Provinsi Kepulauan Riau.

Sementara itu, Prof Rahmita berkata, NDP adalah taman digital bersepadu yang menyediakan tempat untuk perkembangan perniagaan digital dan tapak ideal untuk pembangunan pusat data.

“Terletak di topografi tinggi di timur Batam, NDP menawarkan lokasi geografi yang lebih selamat untuk Pusat Data yang turut disokong dengan kehadiran infrastruktur yang baik, sekaligus menjadikan Batam sebagai bandar berpotensi untuk kegiatan perniagaan,” katanya.